

# Umur bukan penghalang untuk berjaya

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

i.sabkhanUB@gmail.com

UB 22-10-2012 A2

**KOTAKINABALU:** 'Umur bukan penghalang untuk berjaya', itulah ayat yang paling sesuai untuk tiga orang pelajar terbaik Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan dengan kepujian Kelas Satu, Universiti Malaysia Sabah (UMS).


Seorang graduan, Rosli Siki, 40, berasal daripada Kampung Bambang Papar berkata, sebelum melanjutkan pelajaran di UMS, beliau terdahulu bertugas di Jabatan Perhutanan Sabah.

Pada tahun 2009, beliau telah mendapat tawaran di UMS dalam jurusan Program Perhutanan Tropikal Antarabangsa.

Beliau yang telah berkahwin dan kini mempunyai dua orang cahaya mata berkata, sebelum melanjutkan pelajaran dan setelah menerima tawaran, beliau mendapat galakan rangsangan yang baik daripada keluarga dan majikan untuk terus melanjutkan pelajaran.

Rosli yang dahulunya hanya memegang Diploma Perhutanan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, beliau telah lama menyimpan cita-cita untuk melanjutkan pelajaran kerana baginya walaupun mempunyai pengalaman namun pengiktirafan dari segi pendidikan adalah lebih baik.

Beliau yang juga menerima Anugerah Khas 'Hadiah



**ROSLI**

Zainal Abidin Bador' berkata kriteria yang diperlukan bagi mendapatkan anugerah berkenaan adalah akademik berada di tahap yang baik dan berada di kelas satu selain aktif di kampus seperti menjawat tugas dalam persatuan.

"Walaupun pada mulanya terasa kekangan ketika mula-mula masuk belajar dan bergaul dengan orang muda namun semua berubah apabila beliau mula menepis semua perasaan yang ada untuk terus aktif demi untuk berjaya," katanya yang mula menyambung pelajaran ketika berumur lewat 30an.

Manakala, bagi Desmond Foo Kim See, 40, berkata beliau juga pernah bekerja di Jabatan Perhutanan Sabah dan mendapat Diploma Sains Perhutanan daripada UPM dahulu.



**DESMOND dan Ng Yuen.**

"Selepas kira-kira 15 tahun bekerja, barulah saya berpeluang untuk menyambung kembali pelajaran dalam peringkat ijazah.

Beliau yang telah berkahwin dan memiliki seorang anak berumur tujuh tahun berkata, beliau masih belum bersedia untuk menyambung ke peringkat pelajaran yang lebih tinggi.

"Hidup sebagai seorang pelajar, apabila mempunyai keluarga adalah sangat berbeza dan mempunyai cabarannya yang tersendiri.

"Apabila berkeluarga ini banyak perkara yang perlu diambil kira seperti selain perlu untuk menumpukan pelajaran, pengurusan keluarga juga perlu diambil kira," katanya yang telah mula bertugas di Kalabakan setelah menghabiskan

pelajaran.

Sementara itu, bagi Ng Yuen Fern, 23, salah seorang graduan terbaik itu berkata, beliau akan menyambung pelajaran ke peringkat sarjana di UMS kelak.

Beliau yang berasal daripada Perak berkata, jurusan yang dipilihnya itu adalah pilihan beliau yang ketiga ketika mula masuk dahulu.

"Saya pilih Sabah, walaupun tahu negeri ini jauh daripada tempat asal kerana budayanya yang berbeza.

"Sepanjang berada di UMS, banyak perkara baru yang saya pelajari terutama sekali dengan perkara yang berkaitan dengan alam semulajadi," katanya yang juga mempunyai seorang adik yang juga sedang menyambung pelajaran di UMS.